

Bank Utama perlu penuhi kriteria Bank Negara: PM

BH 27 FEB 2001

Oleh Kadir Dikoh, Saidon Idris dan Halim Yusof

TIDAK ada masalah untuk memberi status sebagai kumpulan bank teras kepada Bank Utama (M) Bhd, jika ia memenuhi kriteria yang sudah ditetapkan Bank Negara Malaysia (BNM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata usaha menjadikan Bank Utama sebagai kumpulan perbankan teras yang ke-11 selepas 10 kumpulan perbankan lain di bawah program penggabungan industri terbabit, agak mustahil jika Bank Utama tidak dapat

Usaha menjadikan Bank Utama sebagai kumpulan perbankan teras yang ke-11 di bawah program penggabungan industri terbabit, agak mustahil jika Bank Utama tidak dapat memenuhi syarat itu

memenuhi syarat itu.

"Kita sudah meletakkan kriteria untuk bank teras. Melainkan bank itu memenuhi kriteria berkenaan, saya tidak nampak bagaimana kita boleh menerima ia sebagai bank teras ke-11," katanya

selepas menyampaikan ucapan pada persidangan antarabangsa mengenai globalisasi, di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai kemungkinan Bank Utama diberikan status se-

bagai kumpulan perbankan teras yang ke-11.

Penganalisis berkata, sekurang-kurangnya sebuah kumpulan bank teras berpangkalan sama ada di Sarawak atau Sabah dan Bank Utama yang berpangkalan di Kuching dikatakan mempunyai kelebihan itu.

Berdasarkan program penggabungan, semua 54 institusi perbankan tempatan digabungkan ke dalam 10 kumpulan bank teras yang sudah dikenal pasti, tidak termasuk Bank Utama. Se-

muanya berpangkalan di Semenanjung.

Bank Utama sebelum ini dicadang digabungkan dengan Kumpulan Arab-Malaysian tetapi rundingan menemui jalan buntu.

Bank Utama kemudian mengadakan rundingan dengan EON Bank tetapi ia turut gagal. Kumpulan Arab-Malaysian dan EON Bank adalah antara 10 kumpulan perbankan teras.

Kepada soalan sama ada beliau melihat kemungkinan penggabungan antara dua kumpulan bank teras iaitu

RHB Bank dan Maybank, Dr Mahathir berkata:

"Ia adalah sesuatu yang kita alu-alukan. Jika mereka mahu membentuk bank yang betul-betul besar, apa salahnya? Kita tidak menentang".

Katanya, penggabungan institusi perbankan tempatan adalah untuk menyediakannya berhadapan saingan daripada bank gergasi asing apabila sektor kewangan di Malaysia dibuka sepenuhnya nanti.